

## **KAEDAH SEBUT, EJA DAN BUNYIKAN**

Oleh

**Cathy John**

### **ABSTRAK**

*Kajian ini saya jalankan setelah mendapati Mark, seorang murid Tahun 3 masih belum dapat menguasai kemahiran membaca khususnya suku kata KVKV. Setelah menjalani praktikum selama tiga bulan di Sekolah Kebangsaan BK, maka timbul keinginan dan minat saya untuk mengkaji masalah ini. Mark boleh mengecam dan menyebut apakah gambar yang ditunjukkan tetapi tidak dapat mengeja, membunyikan, menyebut dan menulis jawapan yang tepat. Sebaliknya, beliau hanya menjawab jawapan tepat pada suku kata awalan atau akhiran. Kajian ini bertujuan untuk membantu Mark mengatasi masalah dalam kemahiran membaca. Saya mengambil tindakan seperti memberi bimbingan secara individu dan secara berkumpulan kepada Mark di dalam kelas. Setelah menjalankan bimbingan selama dua bulan, usaha saya menunjukkan hasil yang memberangsangkan. Kini, Mark boleh mengeja, membunyikan, menyebut dan menulis suku kata KVKV dengan tepat.*

### **1.0 Pengenalan**

Sekolah Kebangsaan BK merupakan sebuah sekolah yang terletak di tengah-tengah kawasan Taman BK. Ia terletak tiga kilometer dari bandaraya Kuching. Sekolah ini telah ditubuhkan pada tahun 1998 dan mempunyai 12 buah kelas sekolah rendah dan dua buah kelas prasekolah. Pada tahun ini, bilangan murid adalah seramai 533 orang dengan 30 orang guru dan tiga orang kakitangan sokongan. Majoriti murid-murid yang berada di sekolah ini terdiri daripada kaum Melayu dan Iban.

Secara umumnya, sekolah ini juga menghadapi masalah murid-murid Tahap Satu yang masih belum menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira. Murid-murid yang masih belum menguasai kemahiran asas ini dimasukkan ke dalam kelas pemulihan khas kerana gagal melepas ujian pelepasan KIA 2M atau dicalonkan oleh guru kelas dan guru besar ekoran daripada pencapaian yang kurang baik di dalam kelas. Keadaan yang amat membimbangkan saya ialah terdapat murid Tahun 3 yang masih belum menguasai kemahiran asas membaca.

Setelah tiga bulan saya menjalani praktikum di sekolah ini, maka timbul keinginan dan minat saya untuk membuat penyelidikan tentang masalah bacaan kerana saya menganggap ia sebagai satu tanggungjawab saya.

Saya juga prihatin terhadap murid-murid Tahap 1 secara umumnya dan murid-murid Tahun 3 secara khususnya yang masih lemah dalam menguasai kemahiran asas membaca. Ini mungkin boleh menyebabkan mereka ketinggalan dalam pembelajaran mereka berbanding dengan rakan-rakan yang lain apabila berada di Tahap 2 kerana kemahiran asas suku kata tidak akan diajar seperti mana mereka diajar semasa di Tahap 1.

## 1.2 Keprihatinan Saya

Kajian saya bermula apabila saya menjalani praktikum di Sekolah Kebangsaan BK, Kuching di mana saya mengajar kelas pemulihan Bahasa Melayu untuk murid-murid Tahun 3. Mark (nama samaran) merupakan murid Tahun 3 yang tidak memberi sebarang masalah kepada saya dari segi tingkah laku mahupun semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (p&p) dilaksanakan. Mark dapat menyelesaikan segala tugas yang diberi dengan baik dan mendengar arahan yang diberikan. Dari segi kehadiran, Mark jarang ponteng sekolah kecuali bila beliau sakit. Justeru, Mark boleh dikategorikan sebagai seorang murid yang baik, berminat untuk belajar dan berkawan tetapi Mark memerlukan sedikit bimbingan dan arahan agar dapat mengurangkan tingkah laku suka mengganggu rakan-rakannya semasa belajar.

Pada 2 Julai 2009, Mark menduduki ujian lisan untuk Bahasa Melayu Pemulihan. Ujian tersebut menunjukkan terdapat kelemahan-kelemahan yang dihadapi dalam menguasai kemahiran asas mengeja, membunyikan dan menyebut suku kata seperti berikut.

- Kemahiran KV : ma, ta, ka, ca, bu, ja, sa,
- Kemahiran KVKV : buta, ratu, cuci, cuti, dadu, dahi, feri, gari, hari, jeti, tiga, naga, biru


Pada 17 Julai 2009, ujian bertulis ditadbir untuk melihat aspek kelemahan Mark dan murid-murid Tahun 3 yang lain dalam Bahasa Melayu Pemulihan Bertulis. Dalam ujian ini, kemahiran yang diuji adalah kemahiran 1 hingga kemahiran 5. Markah lulus untuk ujian ini adalah 42 dan keputusan ujian tersebut yang diperoleh Mark ialah 59 / 84.

Mark yang berusia 9 tahun didapati menghadapi masalah dalam menguasai kemahiran membaca suku kata mudah khususnya suku kata KVKV. Apabila saya menjalankan ujian untuk mengenal pasti kelemahan Mark, saya mendapati beliau boleh mengecam dan menyebut gambar objek atau benda yang ditunjukkan tetapi masih belum dapat mengeja, membunyikan, menyebut, menulis dan membaca suku kata KVKV gambar objek atau benda tersebut dengan betul dan tepat. Sebaliknya, Mark hanya dapat menjawab tepat sama ada suku kata awalan atau suku kata akhiran. Jadual

1 menunjukkan kesilapan Mark semasa mengeja dan menulis bila ditunjukkan gambar objek atau benda berkaitan manakala Rajah 1 menunjukkan hasil kerja Mark sebelum tindakan diambil.

Jadual 1: Kesilapan Mark semasa mengeja dan menulis

Gambar diberikan	Murid-murid mengeja dan menulis
Baju	baja
Tali	Lili
Guli	Juli
Dadu	DaDu, badu
Dagu	Bugu
Kuda	Duda



Rajah 1: Hasil kerja Mark sebelum tindakan

Pada awalnya, saya berpendapat Mark tidak dapat melihat dengan jelas gambar atau memahami arahan tetapi apabila saya menggunakan bahan bantu mengajar seperti LCD, saya mendapati Mark belum dapat menguasai kemahiran suku kata KVKV dengan baik.

### 1.3 Fokus Kajian

Dalam kajian ini, saya merangka dan merancang tindakan untuk mengatasi kelemahan membaca Mark melalui latih tubi bacaan menggunakan kad suku kata dan gambar. Penggunaan kad suku kata dan gambar dalam bentuk maujud ini kemudian dihasilkan dalam bentuk TMK untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran (p&p) agar menjadi lebih menarik dan menyeronokkan. Namun begitu, dalam merancang suatu program atau rancangan pengajaran, saya perlu merenung kembali pendekatan-pendekatan dalam amalan p&p agar tidak tersasar daripada yang telah digariskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Hal ini dapat membantu saya membuat refleksi kendiri dan memperbaiki kelemahan yang ada agar dapat memantapkan strategi p&p saya kelak.

Malah dalam merangka suatu program atau rancangan pengajaran, saya banyak merujuk kepada teori pembentukan konsep yang telah diperkenalkan oleh seorang Jerome Bruner. Mengikut Bruner (dalam Dita

Arini S. Nim, 2008), pembelajaran dihuraikan sebagai perubahan dalam pengetahuan yang disimpan di dalam memori. Bruner menjelaskan pembelajaran merangkumi pengalaman *optimal* dan penstrukturkan *optimal*. Secara ringkasnya, murid perlu dibimbing dalam memahami sesuatu bermula daripada yang khusus kepada yang kompleks dengan memberi kesempatan kepada murid untuk menemui sesuatu melalui contoh-contoh yang digambarkan. Melalui teori pembentukan konsep ini, saya cuba mengaplikasikannya kepada Mark untuk melihat perkembangan dan mengenal pasti kelemahan beliau. Ini membolehkan saya merancang rancangan pengajaran yang bersesuaian dengan kebolehan Mark.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk membantu Mark mengeja, membunyikan, menyebut dan menulis suku kata KVKV di samping menambah baik amalan kendiri dalam sesi p&p murid pemulihan melalui latih tubi bacaan menggunakan kad suku kata dan gambar. Pendekatan yang diguna adalah berdasarkan aktiviti bimbingan individu.

#### **2.0 Perancangan Tindakan**

Bagi mencapai objektif kajian saya, saya telah merancang satu aktiviti bimbingan individu yang intensif yang melibatkan jangka masa selama dua bulan iaitu daripada 17 Julai 2009 hingga 17 September 2009. Dalam aktiviti ini yang dilaksanakan pada waktu Bahasa Melayu Pemuuhan, saya memperuntukkan sekurang-kurangnya 5 minit untuk Mark mengeja, membunyikan dan menyebut suku kata KVKV berdasarkan gambar yang ditunjukkan.

Seterusnya, saya memperuntukkan sesi satu jam bagi aktiviti berkumpulan dengan memberikan latih tubi bacaan menggunakan kad suku kata dan gambar. Kaedah latih tubi bacaan menggunakan kad suku kata dan gambar yang dihasilkan dalam bentuk TMK dilaksanakan untuk mempelbagaikan dan meningkatkan kefahaman serta penguasaan murid dalam bentuk visual yang lebih jelas selaras dengan teori pembentukan konsep. Murid-murid dibimbing dalam memahami sesuatu bermula daripada yang khusus kepada yang kompleks. Program ini diadakan di dalam bilik darjah dan bilik tayangan yang lebih luas serta mempunyai LCD dan skrin yang lebih besar.

#### **3.0 Kaedah dalam mengumpul data**

Bagi mengumpul data kajian ini, saya menggunakan beberapa kaedah berikut.

- Kaedah pemerhatian dan penilaian: dilaksanakan sepanjang sesi p&p yang dilakukan di dalam kelas.
- Kaedah latih tubi: dilaksanakan semasa atau di akhir sesi p&p dalam bentuk kuiz, latih tubi, kertas kerja dan ujian.

#### 4.0 Pelaksanaan Tindakan Dan Dapatan Kajian

Perancangan tindakan bermula dengan menunjukkan keputusan dan hasil kerja Mark dalam ujian yang telah dijalankan pada 17 Julai 2009 di mana saya telah menunjukkan semula gambar dan meminta Mark mengeja, membunyikan dan menyebut suku kata yang telah ditulis olehnya. Mark dapat mengeja, membunyikan dan menyebut suku kata yang ditulisnya tetapi dia tidak tahu bahawa jawapan yang dieja olehnya adalah salah. Oleh itu, saya menjelaskan bahawa jawapan yang diberikan olehnya adalah salah dan saya memberikan cop ‘muram’ yang bermaksud kurang tepat kepada Mark. Saya telah menulis jawapan yang betul dan meminta Mark mengeja, membunyikan dan menyebut suku kata KVKV yang telah diberikan.

Kemudian saya meminta Mark mengeja, membunyikan dan menyebut kad suku kata KV bermula dari ba, be, bi, bo, bu hingga za, ze, zi, zo, zu secara individu di dalam kelas sebelum sesi p&p bermula. Saya juga menyediakan kad suku kata yang merangkumi keseluruhan suku kata dari suku kata asas A,E,I,O,U hingga konsonan untuk dibaca secara latih tubi oleh individu seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2. Aktiviti ini dilakukan secara berulang-ulang dalam agar murid-murid dapat menghafal dan mengingati suku kata yang telah dipelajari.

A	e	i	o	u
ba	be	bi	bo	bu
ca	ce	ci	co	cu
da	de	di	do	du
fa	fe	fi	fo	fu
ga	ge	gi	go	gu

Rajah 2: Kad suku kata asas dan konsonan

Selepas itu, saya meminta Mark melihat gambar yang ditunjukkan dan menyebut apakah gambar yang dilihatnya. Melalui sebutan yang diberikan, saya memintanya mengulangi sebanyak tiga kali dan mendengar sebutannya sendiri sebelum mengeja dan membunyikan suku kata. Tindakan mengeja dan membunyikan terlebih dahulu akan menyebabkan Mark memberikan suku kata yang salah


Proses ini berjalan dalam minggu pertama iaitu hari Khamis dan Jumaat. Pada minggu berikutnya, saya telah mengambil masa selama 30 minit untuk menguji Mark dengan menunjukkan kad suku kata terlebih dahulu dan meminta Mark memberikan jawapan. Saya mendapat Mark dapat menjawab setiap suku kata KV yang ditunjukkan dengan cepat dan tepat. Selepas itu, saya memberikan sekeping kertas putih dan sebatang pensel

dan meminta Mark menuliskan suku kata berdasarkan 10 kad gambar yang ditunjukkan kepadanya. Saya mendapati Mark memberikan 8 jawapan yang betul dan 2 jawapan yang salah. Oleh itu, pada sesi p&p seterusnya, saya mengadakan kuiz dan aktiviti berbentuk pertandingan untuk Mark dan empat rakan-rakannya yang mempunyai kelas pada hari Khamis dan Juma'at.

Saya kerap membimbing Mark secara individu di dalam kelas pada minggu seterusnya yang mana saya cuba memperkembangkan penguasaan dan pengetahuannya dengan memberikan latihan-latihan berbentuk kemahiran KVKV seperti memadankan kad-kad suku kata berdasarkan gambar atau tanpa gambar. Tujuannya adalah membolehkan Mark belajar dan mengingati suku kata yang diberikan. Kaedah ini dijalankan secara berulang-ulang. Hasilnya, saya mendapati terdapat perubahan yang positif dalam perkembangan penguasaan dan pengetahuan Mark dalam kemahiran membaca.


Oleh yang demikian, saya meningkatkan tahap pembelajaran Mark kepada satu tahap yang lebih sukar untuk meningkatkan penguasaan dan pengetahuannya pada minggu berikutnya. Aktiviti yang saya lakukan kepada Mark adalah memberikan latih tubi bacaan menggunakan kad suku kata tanpa gambar. Aktiviti ini dilakukan dengan memberikan beberapa kad suku kata dan dilekatkan pada papan putih. Saya kemudiannya meminta Mark dan rakan-rakan sekelasnya memadankan dua kad suku kata menjadi satu perkataan yang bermakna. Hasilnya, Mark dapat memadankan 10 suku kata menggunakan kaedah yang telah diajar kepadanya iaitu menyebut terlebih dahulu secara berulang-ulang sebelum mengeja dan membunyikan suku kata.

Pada minggu seterusnya, saya meningkatkan penguasaan dan pengetahuan Mark dengan menggunakan kad suku kata dan gambar dalam bentuk maujud (TMK) yang mana saya menggunakan pendekatan yang sama tetapi penggunaan bahan bantu mengajar yang berbeza. Hasilnya adalah seperti rajah 3 berikut.



Rajah 3: Hasil kerja Mark selepas tindakan

Secara keseluruhannya, didapati Mark berjaya menguasai kemahiran mengeja, membunyikan dan menyebut suku kata KVKV dengan baik. Hasil kerja terkini Mark boleh dilihat berdasarkan Rajah 4.



Rajah 4 Hasil terkini Mark

## 5.0 Refleksi

Setelah dua bulan menjalankan penyelidikan dan program tindakan ke atas Mark, saya mendapati pendekatan bimbingan secara individu, diikuti secara kumpulan berkesan terhadap masalah yang dihadapi Mark. Malahan Mark didapati dapat mempraktikkan kaedah sebut dahulu dan eja dan bunyikan kemudian semasa membaca suku kata KVKV. Hasil kerja yang diberikan menunjukkan Mark sudah boleh menguasai kemahiran KVKV dengan baik.

Tindakan memberi bimbingan khusus kepada murid-murid yang lemah seperti Mark memerlukan komitmen dan kesabaran yang tinggi. Sehubungan itu, saya amat bersyukur apabila mendapat peluang ini untuk menimba pengalaman dan pengetahuan serta dapat mengaplikasikannya di dalam situasi yang sebenar. Malah saya sedar bahawa tugas sebagai seorang guru pemulihan khas bukan hanya mengajar tetapi ia juga merupakan satu tanggungjawab sosial yang memerlukan saya membimbang dan memberikan perhatian kepada murid-murid yang lambat agar mereka dapat membaca dan tidak dilabelkan dengan sesuatu yang negatif.

Di samping itu juga, saya banyak belajar untuk memperbaiki kelemahan diri dari segi komunikasi dan penerapan nilai di dalam bilik darjah. Saya menyedari bahawa kedua-dua elemen ini penting dalam sesi p&p dalam bilik darjah.

Harapan saya ialah saya akan dapat memantapkan dan menambah baik amalan kendiri serta terus menggunakan kaedah cepat membaca saya ini dalam kalangan murid-murid pemulihan khas yang lain dalam sesi p&p. Malah keprihatinan dan penerapan nilai-nilai murni semasa sesi p&p akan saya cuba pertingkatkan agar objektif pengisian kandungan pelajaran yang ingin disampaikan tercapai sekaligus dapat membantu murid-murid mengatasi masalah mereka. Jika diberi peluang, saya akan meneruskan kajian saya terhadap masalah-masalah murid seperti mana yang dilakukan

saya kepada Mark tetapi pada tahap yang lebih tinggi seperti kemahiran KVKV yang melibatkan kemahiran membaca petikan.

### **Bibliografi**

Dita Arini S. Nim. (2008). *Pembelajaran menurut aliran kognitif*. Dimuat turun daripada <http://teoripembelajaran.blogspot.com/2008/04/pembelajaran-menurut-aliran-kognitif-ja.html> pada 24 Oktober 2009.

Roziah Binti Abdul Halim. (2005). Meningkatkan kemahiran membaca murid-murid tahun satu dengan latih tubi menggunakan suku kata dan gambar. Dalam *Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan IPBA 2005*. Di muat turun daripada <http://apps.emoe.gov.my/ipba/rdipba/cd1/article32.pdf> pada 19 September 2009.

Zainora Binti Mohd Man. (2005). Meningkatkan kemahiran membaca murid tahun 5 melalui latih tubi bacaan menggunakan kad suku kata dan gambar. Dalam *Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan IPBA 2005*. Dimuat turun daripada <http://apps.emoe.gov.my/ipba/rdipba/cd1/article51.pdf> pada 19 September 2009.